

02 APR 1998

Malaysia-Harrods

HARRODS PAMERKAN BARANGAN MALAYSIA

Oleh: Wan A Hulaimi

LONDON, 2 April (Bernama) -- Dengan kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Harrods, gedung beli-belah terulung, melancarkan buat pertama kali pameran barangan buatan Malaysia di bawa sepanduk yang bertulis 'From Tradition to Innovation (Dari Tradisi ke Inovasi)'.

Tiga syarikat Malaysia, Amtek International (pembekal pakaian, makaan dan perabot), Langkawii Crystaal, dan Malaysia Electric Corporation (MEC) juga menandatangani perjanjian dengan pengerusi Harrods Mohamed Al Fayed untuk terus membekal barangan Malaysia, dan Harrods terus mempromosikannya.

Dr Mahathir, yang berkata beliau "sangat gembira dan sungguh bangga" dengan hubungan dengan "gedung beli-belah yang paling berprestij dan yang terulung di seluruh dunia" itu dan secara berseloroh melahirkan harapan bahawa ini akan meningkatkan eksport Malaysia ke Britain "yang sudah tentu tidak diambil kisah oleh rakyat British kerana kita memerlukan pound tambahan ini".

"Kita bukan sahaja akan ada promosi tetapi pameran barangan Malaysia yang tetap di gedung ini," katanya.

Merujuk kepada tema 'Dari Tradisi ke Inovasi', Dr Mahathir berkata ia tepat sekali kerana walaupun Malaysia membuat keputusan untuk perindustrian, "kami masih mengekalkan sesuatu dari tradisi kami".

Sebelum itu, Countess Rayne Spencer, bagi pihak Harrods International menyampaikan satu ucapan selamat datang yang menarik dan menyatakan harapan bahawa hubungan Harrods dengan industri pelancongan yang sedia ada akan dapat membantu meningkatkan aliran pelancong British ke Malaysia.

Katanya 140,000 pelancong Malaysia mengunjungi Britain tahun lepas.

Spencer berkata tidak lama lagi sebuah kedai bebas cukai Harrods akan wujud di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang, dan menambah 60 telahpun ditubuhkan di seluruh dunia.

Spencer, yang juga dikenali ramai sebagai ibu tiri Puteri Diana dan anak perempuan penulis novel romantik yang prolifik Dame Barbara Cartland, berkata beliau perlu kembali lagi ke Malaysia untuk melihat sebuah taman buaya yang pengerusinya (Alfayed) berkata bahawa buaya di situ bukan sahaja baik-baik tetapi diajar untuk menari.

Sebagai meneruskan suasana kemesraan itu, pengarah Amtek Holdings Syed Azmin bin Syed Nor menyampaikan sebilang keris perak kepada Al Fayed bagi pihak Malaysia, dan hanya sempat berkata "anda boleh gunakan ini....." sebelum suaranya ditenggelami oleh gelak ketawa yang menunjukkan penghargaan.

Pameran barangan Malaysia itu, yang terletak di tingkat tiga gedung itu, mengandungi barangan tradisi dan moden, dari periok nasi berkomputer sehingga ke demonstrasi menenun songket secara tradisional.

"Alat membuat omelet MEC adalah yang pertama dari segi teknologinya dan akan dipaten diseluruh dunia," kata risalah (brochure) berwarna-warni yang diedarkan kepada para tetamu terhormat disamping turut memuji kualiti produk-produk yang lain yang akan membuat seseorang bangga bersama Malaysia.

Antara produk yang dipamerkan ialah bahan-bahan kaca berseni 'Langkawiicrystaal' yang sekarang terkenal, perabot kayu getah yang mesra alam, barang-barang kulit dan peralatan kedai fesyen buatan Malaysia.

Walaupun ini bukanlah pertama kali barangan Malaysia dipamerkan di Harrods (Selangor Pewters antara perintisnya untuk beberapa tahun), ini

adalah pertama kali produk berbagai dari Malaysia dipamerkan dengan hiasan bertema yang menarik perhatian. -- BERNAMA

WAH WAT